



SIARAN MEDIA

KAJIAN TERBAHARU DAPATI LADANG SAWIT KORIDOR PENTING UNTUK HIDUPAN LIAR BERGERAK SECARA SELAMAT

KUALA LUMPUR. 26 MAC 2026 – Kajian terbaru mendedahkan bahawa kawasan pinggir hutan di ladang kelapa sawit bukan sekadar zon peralihan, tetapi bertindak sebagai koridor penting yang membolehkan hidupan liar bergerak secara selamat antara hutan simpan dan landskap sekitarnya.

Penemuan melalui kajian pakar daripada Global Environment Center (GEC) di sekitar Hutan Simpan Binsulok dan Hutan Simpan Klias di Beaufort, Sabah menunjukkan kawasan pinggir hutan memainkan peranan signifikan dalam menyokong pergerakan pelbagai spesies fauna.

Antara hidupan liar yang direkodkan menggunakan koridor ini termasuk mamalia besar seperti rusa sambar, babi janggut Borneo, kucing batu dan monyet Belanda, selain mamalia kecil, reptilia serta burung pemastautin dan burung berhijrah.

Sepanjang tempoh 12 bulan kajian, sebanyak 13 perangkap kamera telah dipasang di lokasi strategik di sepanjang sempadan ladang kelapa sawit yang bersebelahan dengan hutan simpan, bagi merekodkan pola pergerakan hidupan liar.

Projek pengumpulan data biodiversiti ini bermula pada Disember 2024 dan berakhir pada Disember 2025, melibatkan beberapa ladang kelapa sawit milik swasta serta pekebun kecil di daerah Beaufort, barat daya Sabah.

Kajian yang ditaja Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia (MPOGCF) ini turut melibatkan agensi dan jabatan Kerajaan Negeri Sabah termasuk Jabatan Perhutanan, Jabatan Hidupan Liar, Pusat Biodiversiti Sabah serta syarikat-syarikat perladangan sawit dan pekebun kecil sawit.

Objektif kajian ialah mengenal pasti spesis hidupan liar yang terdapat di ladang kelapa sawit bersebelahan hutan simpan, dan mengkaji lebih teliti kewujudan kepelbagaian hidupan liar bagi menyokong pengurusan biodiversiti kawasan pemuliharaan tanah gambut.

Dapatan kajian penilaian biodiversiti fauna ini akan dijadikan rujukan bagi menyokong pengurusan pemuliharaan hidupan liar kawasan *Klias Peninsula Peatland Landscape (KPPL)*.

KPPL merupakan kawasan tanah gambut yang sangat penting, merangkumi ekosistem hutan paya gambut yang utuh dan hutan bakau, menjadikannya habitat penting bagi pelbagai hidupan liar dan memainkan peranan utama dalam mitigasi perubahan iklim serta pengurusan banjir di Beaufort, Sabah.

Selain menjalankan kajian biodiversiti, projek ini juga menganjurkan kempen kesedaran pencegahan kebakaran tanah gambut, menggalakkan penggunaan tanah secara bertanggungjawab dan mempromosikan usaha pemuliharaan biodiversiti dalam kawasan kajian dengan mensasarkan komuniti setempat termasuk pekebun kecil sawit dan pelajar sekolah.

Projek ini juga menyokong peranan penting yang dimainkan oleh pekebun kecil sawit menerusi kewujudan pasukan rondaan bagi mencegah kebakaran tanah gambut dan usaha penubuhan Komuniti Bomba Sukarela di bawah pengurusan Jabatan Bomba dan Penyelamat cawangan Beaufort, Sabah.

Mengenai MPOGCF

Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia (MPOGCF) merupakan inisiatif yang diperkenalkan oleh Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) untuk menyokong usaha pemuliharaan berkaitan industri minyak sawit dan mencerminkan komitmennya ke arah memulihara alam sekitar.

Untuk siaran segera

Dengan pelbagai usaha pemuliharaan alam sekitar yang dijalankan oleh MPOGCF, adalah diharapkan ia akan meningkatkan reputasi industri minyak sawit untuk mencapai pengiktirafan global bagi amalan mampan.

MPOGCF sentiasa memerhatikan kawasan kritikal yang berkaitan dengan pemuliharaan hijau dalam industri kelapa sawit bagi perlindungan dan pengurusan jangka pendek, pertengahan dan panjang, serta pemuliharaan warisan semula jadi negara.

Kami komited dalam mempamerkan kepada dunia bahawa industri minyak sawit Malaysia adalah industri yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Pembiayaan yang diberikan adalah sebahagian daripada usaha mempamerkan komitmen industri dalam memulihara alam semula jadi dan mempromosikan landskap hijau.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai MPOGCF, sila layari www.mpogcf.org.

Dikeluarkan oleh Jabatan Komunikasi Strategik MPOGCF. Jika ada sebarang pertanyaan, sila hubungi Pengurus Komunikasi Strategik MPOGCF, Tuan Nazuri Tuan Ismail (nazuri@mpogcf.org.my / 012-3479144) atau Eksekutif Kanan Komunikasi Strategik, Mohd Ariff Ikram (ariff@mpogcf.org.my / 019-2592747)